



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021 - 2030 DAN ANUGERAH PERDANA RUKUN TETANGGA 2021

28 Februari 2021, Putrajaya - YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia hari ini telah melancarkan **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021 – 2030** dan menyempurnakan penyampaian anugerah kepada pemenang **Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2021**. Majlis telah diadakan secara maya melalui laman web <https://pemerksaankomunitikrt.com>.

2. **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021 – 2030** mengandungi lima (5) teras strategik yang akan memacu Rukun Tetangga ke arah kecemerlangan dengan memperkasakan kepimpinan Rukun Tetangga sebagai pemangkin perpaduan dan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi nasional, meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti menerusi aktiviti kesukarelawanan, memantapkan peranan Rukun Tetangga dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti dan memperkasa kelompok komuniti.

3. Kementerian Perpaduan Negara turut melancarkan buku **Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga KRT4ALL** berhubung empat (4) Gerak Kerja Komuniti Rukun Tetangga baharu yang akan diperkenalkan iaitu:

- i. Agenda Kerja Komuniti RT Sejahtera
- ii. Agenda Kerja Komuniti RT Selamat
- iii. Agenda Kerja Komuniti RT Bersih dan Indah
- iv. Agenda Kerja Komuniti RT Sihat

4. Kedua-dua dokumen ini adalah seiring dengan matlamat Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021–2030 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Februari, 2021.

5. Pada tahun ini, **penerima Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2021** ialah **KRT Taman Pandan Mewah, Hulu Langat, Selangor** yang telah menerima geran sebanyak RM50,000 seperti berikut:

- i. Sijil Simpanan Premium – RM10,000
- ii. Projek Ekonomi – RM10,000
- iii. Program Kemasyarakatan – RM5,000
- iv. Skim Rondaan Sukarela – RM5,000
- v. Tunas Jiran – RM5,000
- vi. Jiran Wanita – RM5,000
- vii. Jiran Muda – RM5,000
- viii. Jiran Warga Emas – RM5,000

KRT Taman Pandan Mewah turut menerima piala pusingan, piala iringan dan plak pengiktirafan. Senarai penuh pemenang mengikut kategori KRT adalah seperti di Lampiran 1.

6. Dokumen **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** dan **Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga KRT4ALL** boleh dimuat turun di laman web Kementerian Perpaduan Negara di www.perpaduan.gov.my. Orang awam juga dijemput untuk melayari e-pameran di laman web <https://pemerksaankomunitikrt.com> sehingga 31 Mac 2021.

Kementerian Perpaduan Negara

28 Februari 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (56)

LAMPIRAN 1

Bil	Kategori Pertandingan	Pemenang	Hadiah Johan
1.	Anugerah Perdana Rukun Tetangga	KRT Taman Pandan Mewah, Hulu Langat, Selangor	i. Geran RM50,000 ii. Piala Pusingan Anugerah Perdana Rukun Tetangga iii. Piala iringan iv. Plak Pengiktirafan
2.	Pengurusan Rukun Tetangga Terbaik	KRT Taman Pandan Mewah, Hulu Langat, Selangor	i. Geran RM10,000 ii. Piala iii. Plak Pengiktirafan
3.	Skim Rondaan Sukarela Terbaik	SRS Taman Bukit Rambai, Melaka Tengah, Melaka	i. Geran RM10,000 ii. Piala iii. Plak Pengiktirafan
4.	Jiran Muda Terbaik	KRT Kampung Tempasak, Papar, Sabah	i. Geran RM8,000 ii. Piala iii. Plak Pengiktirafan
5.	Jiran Wanita Terbaik	KRT Taman Pandan Mewah, Hulu Langat, Selangor	i. Geran RM8,000 ii. Piala iii. Plak Pengiktirafan
6.	Projek Ekonomi Rukun Tetangga Terbaik	KRT Taman Intan 2, Kluang, Johor	i. Geran RM8,000 ii. Piala iii. Plak Pengiktirafan

7.	Projek Inovasi Rukun Tetangga Terbaik	KRT Taman Intan Delima, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran RM8,000 ii. Piala iii. Plak Pengiktirafan
8.	Kelas Tabika Perpaduan Terbaik	Tabika Perpaduan Taman Cengal, Seremban, N. Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran RM10,000 ii. Piala iii. Plak Pengiktirafan
9.	Kelas Taska Genius Perpaduan Terbaik	Taska Genius Perpaduan PKA Bukit Kuda, WP Labuan, Labuan	<ul style="list-style-type: none"> i. Geran RM10,000 ii. Piala iii. Plak Pengiktirafan